

Berita Manmin

NO. 43 20 JULAI 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan

*Kasih-Nya bersinar seperti matahari yang terang,
kasih-Nya terpahat lembut dalam hati saya.*

Saya Sembuh daripada Kesan selepas Pembedahan Tulang Belakang, dan Kini Saya Dapat Berjalan!

Saudari Hyeseon Jeon, 82 tahun, Daerah Yeongdeungpo, Seoul, Korea

Pada 1 Januari 2024, saya terjatuh lalu tulang belakang saya patah. Saya dimasukkan ke hospital selama beberapa bulan dan dibenarkan keluar selepas menjalani pembedahan. Doktor memberi amaran supaya saya tidak mengangkat benda yang berat. Namun begitu, saya terpaksa mengangkat barang yang berat kerana saya tinggal bersendirian. Dalam proses itu, belakang saya tercedera lagi dan saya mengalami kesakitan yang melampau seolah-olah tulang belakang saya yang diketatkan melalui pembedahan telah terputus.

Saya pergi ke hospital semula dan doktor berkata kepada saya, "Kamu terlalu tua, tiada peluang untuk sembuh. Kamu hanya perlu bertahan." Saya mengalami kesakitan yang teruk bahkan hanya melangkah setapak membuatkan seolah-olah seluruh

tubuh saya tumbang. Saya mengalami kesukaran untuk berbaring dan bangun. Saya juga tidak dapat duduk mahupun berdiri.

Saya berhasrat untuk tinggal bersama anak lelaki saya apabila merasakan ajal saya semakin hampir. Oleh itu, saya nekad untuk berpindah ke bandar. Selepas berpindah, ipar perempuan saya membimbing saya ke Gereja Pusat Manmin pada 23 Februari. Apabila kali pertama saya menghadiri ibadat, saya berasa sangat gembira dengan nyanyian pujian dan berasa sangat tersentuh oleh setiap khutbah daripada Pastor Soojin Lee.

Beliau berdoa untuk orang yang sakit selepas menyampaikan khutbah, lalu ipar saya menyuruh saya menerima doa

itu dengan iman dan berkata "Amin!" Dalam doa beliau, saya berterusan mengucapkan, "Amin! Amin!" Pada saat beliau tamat berdoa, saya terasa sejuk pada bahagian belakang saya dan saya berkata dalam hati, "Wah! Belakang saya berasa sejuk. Tiada lagi kesakitan!" Saya memberitahu ipar saya bahawa sakit belakang saya telah hilang sepenuhnya. Pada hari saya mendaftar di gereja, saya telah sembuh daripada sakit belakang akibat kesan selepas pembedahan. Haleluyah!

Selama tiga bulan selepas itu, saya langsung tidak berasa sakit. Melalui doa, saya juga sembuh daripada kemurungan. Saya sihat dari segi fizikal dan mental, sehingga orang di sekeliling saya berkata bahawa wajah saya kelihatan berseri-seri. Ketika saya berpindah ke Seoul, saya berada di ambang kematian, tetapi Tuhan menghidupkan saya kembali dengan kasih dan kekuatan-Nya. Saya mengucapkan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada-Nya!




Batu Tonsil yang Saya Anggap Sebagai Tulang Ikan telah Keluar!

Saudari Youngsoon Cho, 39 tahun, Geumcheon-gu, Seoul, Korea

Pada 24 Februari 2025, semasa makan malam, saya terasa seperti tulang ikan tersangkut pada tekak saya. Saya berasa ada sesuatu di dalam tekak saya. Saya memeriksa tekak saya di hadapan cermin, tetapi tidak nampak apa-apa. Saya berfikir bahawa tekak saya akan baik-baik sahaja.

Seminggu kemudian, pada awal Mac, saya jelas merasakan sesuatu yang keras melekat pada tekak saya. Ia seperti batu. Saya mencari gejala saya melalui Internet dan mendapati itu ialah batu tonsil.



Tonsil saya membengkak, dan tekak saya sangat sakit sehingga sukar untuk saya makan. Saya menjadi bertambah letih dan tidak dapat memberikan tumpuan dalam pekerjaan kerana kekurangan tenaga. Sesuatu yang tersekat pada tekak saya menghancurkan segala aspek kehidupan saya, dan saya mula merenung kembali kehidupan saya sebelum ini.

Selepas pulang dari Perjumpaan Doa Daniel, saya sering makan makanan manis dan tidur tanpa memberus gigi. Saya kurang mengawal diri. Saya juga sering berfikir negatif dengan berkata, 'Saya ada terlalu banyak tugas.' Saya mengucapkan kata-kata dengan sembarangan di rumah dan di tempat kerja, dan menyedari kata-kata saya mungkin telah menyakiti hati orang lain.

Pastor Soojin Lee menyampaikan khutbah bertajuk "Perbuatan Tubuh" dan saya sangat diberkati melaluinya. Khutbah itu bukan sekadar mesej rohani, tetapi membawa perubahan dalam semua aspek hidup saya, termasuk postur tubuh, pertuturan, dan tabiat.

Walaupun jadual harian saya sibuk, pada 9 Mac saya mula berdoa pagi selama 30 minit dan bangun 30 minit lebih awal daripada biasa. Pada masa yang sama, selepas pulang dari kerja, saya berdoa nazar selama 21 hari untuk kesembuhan saya sebagai persediaan awal bagi Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang dijadualkan pada 28 Mac.

Tiga hari kemudian, pada 11 Mac, saya mengalami mimpi yang lembut dan menyentuh hati. Dalam mimpi itu saya melihat Pastor Kanan Soojin Lee lalu mimpi itu memenuhi hati saya dengan sukacita sepanjang hari. Keesokan harinya, perkara yang menakjubkan berlaku apabila saya masuk ke tandas. Tiba-tiba saya terasa seperti ada benda tajam akan



keluar daripada tekak saya dan secara spontan saya meludahkannya ke tapak tangan saya. Benda itu tidak lain dan tidak bukan ialah batu tonsil. Batu tonsil saya keluar dengan sentuhan lembut daripada Tuhan. Haleluyah!

Selepas itu, sakit tekak saya hilang sepenuhnya dan saya bebas daripada batu tonsil. Segala-galanya pulih seperti sediakala, dan saya menjalani kehidupan yang damai dan bahagia dari segi rohani dan fizikal. Saya mengucapkan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang telah menyembuhkan saya.



'Hanya Alkitab' oleh Pastor Soojin Lee
disiarkan melalui YouTube dalam pelbagai bahasa

Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah



Dialih suara dalam 6 bahasa (Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, dan Perancis) dan disarakatakan dalam 13 bahasa (Korea, Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani).

** Anda dapat menonton 'Hanya Alkitab' hanya dengan mengimbas kod QR.

Saya Sembuh daripada BPPV yang Membuatkan Saya Berasa Bumi Berpusing Laju!

Saudara Woon-gi Cho, 71 tahun, Daerah Gangdong, Seoul, Korea

Pada hari Sabtu, 15 Mac 2025, saya pergi ke spa seperti biasa. Selepas pulang ke rumah, sesuatu yang tidak saya jangka berlaku. Saya berasa pelik dan sedikit pening. Lama-kelamaan, keadaan menjadi semakin teruk dan saya berasa sukar untuk mengekalkan keseimbangan.

Pada mulanya, saya menganggap hal itu berlaku kerana keletihan sementara lalu saya tidak ambil peduli tentangnya. Gejala itu menjadi semakin teruk dengan cepat, sehingga saya tidak dapat bergerak dengan betul, termasuk duduk atau berdiri. Saya berasa seolah-olah badan saya bukan milik saya, dan saya tidak dapat mengawal pergerakan tubuh saya.

Keesokan harinya, pada hari Ahad, 16 Mac, keadaan menjadi lebih buruk. Sedikit sahaja saya menggerakkan kepala saya, terasa dunia ini berputar dan saya mengalami loya yang teruk. Saya hilang keseimbangan saya dan hampir-hampir jatuh. Keadaan itu begitu teruk seolah-olah saya sedang menaiki permainan kuda pusing. Saya menjadi semakin lesu dan takut.

Akhirnya, saya menghubungi 119 lalu dibawa ke hospital dengan ambulans. Saya menjalani pelbagai ujian termasuk X-ray, MRI, dan ujian darah, namun tiada diagnosis yang jelas diberikan. Mereka mengatakan bahawa saya perlu datang semula pada hari Isnin kerana doktor saya tiada pada hari itu.

Saya pulang ke rumah dan teringat akan doa untuk orang sakit oleh mendiang Pastor Jaerock Lee yang dirakamkan melalui ARS (Sistem



Respons Automatik). Dengan susah payah, saya memainkan rakaman itu pada telefon pintar dan berdoa selama 30 minit sambil menerima doa tersebut. Saya merenung kembali kehidupan saya dan menangis dalam pertaubatan atas iman saya yang suam-suam kuku sejak tahun 2006 ketika saya menyertai Gereja Pusat Manmin. Kemudian, saya merasakan seolah-olah mendiang Pastor Lee datang kepada saya dan meletakkan tangan beliau pada kepala saya untuk berdoa.

Saya dapat mengikuti ibadat pagi Ahad melalui GCN TV. Saya berasa sangat tersentuh oleh khutbah yang disampaikan oleh Pastor Soojin Lee. Ketika beliau berdoa untuk orang yang sakit, saya menerima doa itu dengan kerinduan untuk disembuhkan. Pada saat itu juga, kedamaian menyelimuti seluruh tubuh saya, dan badai dalam hati saya menjadi tenang. Pening saya mula

reda.

Keesokan paginya, saya terkejut kerana dapat bangun dalam keadaan normal. Saya mampu mengekalkan keseimbangan dan kepala saya terasa ringan. Saya pulih dengan baik sehingga mampu pergi bekerja seperti biasa. Selepas itu, saya pergi ke klinik ENT dan menjalani pemeriksaan penuh. Doktor mengesahkan saya mengalami BPPV.

Doktor menjelaskan bahawa BPPV berlaku apabila kristal kalsium berpindah dan masuk ke dalam saluran separa bulat yang membantu mengekalkan keseimbangan tubuh. Beliau juga berkata bahawa gejala yang semakin teruk boleh menyebabkan seseorang jatuh atau mengalami kecederaan.

Doktor memberikan ubat yang perlu saya ambil selama seminggu. Namun begitu, saya langsung tidak mengambil ubat itu kerana saya yakin bahawa Tuhan telah menyembuhkan saya. Tuhan melihat iman saya dan bekerja untuk saya, dan saya benar-benar pulih pada hari Selasa serta mampu bekerja seperti biasa.

Apabila saya masuk ke pejabat pada pagi itu, rakan sekerja saya berasa takjub dan berkata, "Kamu sakit teruk sebelum ini, bagaimana kamu dapat datang bekerja dalam keadaan sihat?" Saya memuliakan Tuhan sambil berkata kepada mereka, "Tuhan telah menyembuhkan saya!" Haleluyah! Saya mengucapkan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya.



Peluang Istimewa untuk Kesihatan dan Kebahagiaan Anda!

Sertai kami untuk **Retret Musim Panas Manmin 2025** di mana kesembuhan dan jawapan melimpah melalui kerja Roh Kudus yang berapi-api! Datang dan lihatlah keajaiban baru terungkap dalam kehidupan anda!


4 Ogos 2025 (Isnin), 7:00 malam

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Pembicara:
Pastor Kanan Dr. Soojin Lee

GCN TV | www.gcntv.org
Gereja Pusat Manmin | www.manmin.org Tel. 02-818-7000

Mengapakah Tangan dan Kaki Yesus Dipakukan dan Mengalirkan Darah?



Penyaliban merupakan salah satu bentuk hukuman yang paling kejam dalam Empayar Roma. Mereka menyeksa pesalah dengan memakukan tangan dan kaki mereka pada kayu salib. Apabila salib ditegakkan, berat badan pesalah menyebabkan tangan dan kaki mereka terkoyak, dan mereka mengalami kesakitan yang amat sangat serta perlahan-lahan mati dalam penderitaan.

Yesus tidak bersalah, namun Dia menanggung semua penderitaan itu demi menyelamatkan kita. Penyaliban-Nya bukan sekadar penderitaan fizikal, tetapi penderitaan mental jauh lebih menyakitkan apabila orang yang berada di bawah salib menghina dan mengejek-Nya. Dia mencurahkan semua darah-Nya di atas salib di bawah terik matahari, dalam keadaan keletihan dan kekurangan air, bahkan serangga menyerang-Nya yang sudah terlalu lemah dan dehidrasi.

Apabila mereka berkata, "Engkau mahu memusnahkan Bait Suci dan membinanya semula dalam tiga hari; selamatkanlah diri-Mu! Kalau Engkau Anak Allah, turunlah dari salib itu," Yesus terpaksa menanggung segala hinaan dan ejekan mereka.

Namun begitu, penderitaan itu bukanlah kesakitan yang paling besar bagi Yesus. Yesus berasa lebih sakit apabila banyak orang masih tidak menyedari bahawa Dia telah menanggung segala kutuk bagi pihak mereka, dan mereka memilih jalan menuju kebinasaan kekal tanpa menerima-Nya kerana hati mereka yang keras.

Yesus telah membuka pintu keselamatan bagi umat manusia dengan membayar semua harga dosa manusia. Penyaliban-Nya bukan sekadar hukuman biasa, tetapi detik bersejarah bagi penggenapan rancangan

"Mereka membuat mahkota daripada duri lalu meletakkannya di atas kepala Yesus dan menggenggamkan mensiang di tangan kanan-Nya. Kemudian mereka berlutut kepada-Nya sambil mengejek-Nya, 'Hai Raja Orang Yahudi!' Selepas itu, mereka meludahi-Nya dan memukul kepala-Nya dengan mensiang itu. Setelah selesai mempermain-mainkan-Nya, mereka melucutkan jubah ungu itu dan mengenakan semula pakaian-Nya lalu membawa-Nya untuk disalib." (Matius 27:29-31)

Tuhan untuk keselamatan manusia. Yesus menanggung beban semua dosa kita dan menyempurnakan rancangan keselamatan Tuhan.

Sebab utama mengapa tangan dan kaki Yesus dipakukan pada salib adalah untuk menebus dosa yang telah kita lakukan melalui tangan dan kaki kita. Manusia melakukan banyak dosa dengan tangan dan kaki mereka. Mereka memukul orang lain, mencuri, berjudi, atau melakukan kekerasan dengan tangan mereka.

Sesiapa yang telah melakukan dosa ditakdirkan untuk mati secara jasmani dan menerima hukuman yang kekal menurut hukum alam rohani, seperti yang tertulis: "ganjaran dosa ialah kematian." Yesus

telah menanggung semua dosa kita, dan disalibkan bagi pihak kita, dan mati di atas salib. Oleh itu, melalui darah penebusan-Nya, kita dapat diampunkan daripada dosa yang telah kita lakukan dengan tangan dan kaki, dan kita sendiri tidak perlu membayar harga dosa itu.

Dalam Markus 9:45, Yesus berkata, "Jika kakimu menyebabkan kamu berdosa, potonglah kaki itu. Lebih baik kamu memasuki hidup dalam keadaan kudung, daripada memiliki dua kaki tetapi terhumban ke dalam neraka."

Namun begitu, Yesus telah disalibkan dan membayar harga segala dosa kita. Darah-Nya yang berharga telah membersihkan segala dosa yang telah kita lakukan dengan tangan dan kaki kita. Oleh itu, kita tidak lagi perlu menerima hukuman tersebut. Kita dapat menerima pengampunan bagi dosa kita dan menuju jalan keselamatan oleh kasih kurnia penebusan-Nya.

Penyaliban Yesus ialah tanda kasih dan keselamatan-Nya untuk kita. Kita harus mengingat kasih kurnia ini dalam hati kita dan bertaubat dengan sepenuh hati. Kita harus berpaling daripada jalan dosa dan mentaati kehendak Tuhan. Kita harus bergantung sepenuhnya pada darah Yesus yang berharga dan hidup dipimpin oleh Roh Kudus supaya kita dapat hidup dalam Cahaya dan menjalani kehidupan yang suci dan taat.

Hanya dengan demikian, kita dapat memuliakan Tuhan dalam kehidupan harian kita dan membuka pintu untuk memberitakan Injil. Kita harus sentiasa mengingati kasih dan kasih kurnia Yesus pada setiap hari dan menjalani kehidupan yang kudus melalui pimpinan Roh Kudus.

<Bersambung dalam edisi yang seterusnya>